

TEKS UCAPAN Y.BHG. DATUK REKTOR

MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH SUKAN ANTARA JABATAN DAN PENYERAHAN  
BENDERA KONTINJEN KEJOHANAN SUKAN STAF ANTARA UNIVERSITI KE - 31  
KOLEJ UNIVERSITI TEKNIKAL KEBANGSAAN MALAYSIA (KUTKM)

TEMPAT:

KAFETERIA KAMPUS INDUSTRI

AYER KEROH, MELAKA

TARIKH :

19 MEI 2006

TEKS UCAPAN REKTOR SEMPENA MAJLIS  
PENYAMPAIAN HADIAH SUKAN ANTARA JABATAN  
DAN PENYERAHAN BENDERA KONTINJEN  
KEJOHANAN SUKAN STAF ANTARA UNIVERSITI  
KE – 31 PADA 19 MEI 2006, JAM 5.00 PETANG  
BERTEMPAT DI KAFETERIA KAMPUS INDUSTRI

TERIMA KASIH SAUDARA PENGACARA MAJLIS,

Y.BHG. PROF. DR. ABU BIN ABDULLAH,

TIMBALAN REKTOR (AKADEMIK DAN  
PENGANTARABANGSAAN)

Y.BHG. DATUK PROF. MADYA DR. ABU BAKAR BIN  
MOHAMAD DIAH,

TIMBALAN REKTOR (PENYELIDIKAN &  
PENGKOMERSILAN / INOVASI)

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN UNIVERSITI,

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN YANG DIHORMATI

*ASSALAMUALAIKUM WRB. WBKTH DAN SALAM  
SEJAHTERA*

ALHAMDULILLAH PERTAMANYA MARILAH KITA  
MEMANJATKAN KESYUKURAN KEPADA ALLAH SWT  
KERANA DENGAN LIMPAH KURNIANYA DAPAT KITA  
BERKUMPUL PADA HARI INI BAGI  
MENYEMPURNAKAN MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH  
SUKAN ANTARA JABATAN DAN MAJLIS  
PENYERAHAN BENDERA KEPADA KONTINJEN  
KUTKM YANG AKAN MENYERTAI KEJOHANAN  
SUKAN STAF ANTARA UNIVERSITI KE – 31.

KEJOHANAN KALI KE – 31 INI AKAN DIADAKAN DI UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA PADA 28 MEI HINGGA 2 JUN 2006. IA ADALAH SATU TEMASYA SUKAN YANG DIADAKAN BERTUJUAN UNTUK MENINGKATKAN HUBUNGAN ANTARA STAF UNIVERSITI-UNIVERSITI DI SELURUH NEGARA SEBAGAI SEBUAH UNIVERSITI AWAM, KUTKM JUGA TIDAK KETINGGALAN UNTUK MENYERTAI SUKAN YANG DIANJURKAN INI.

KITA MENYERTAI KEJOHANAN INI TIDAK SAHAJA UNTUK MEMENANGI ACARA – ACARA YANG DIPERTANDINGKAN, TETAPI JUGA BAGI MENGUKUHKAN JALINAN KERJASAMA ANTARA UNIVERSITI-UNIVERSITI YANG TERLIBAT. APATAH LAGI, KEJOHANAN INI DIANGGAP SEBAGAI SATU PERJUMPAAN BESAR BAGI UNIVERSITI-UNIVERSITI AWAM MALAYSIA. IA ADALAH SATU PELUANG UNTUK MENJALINKAN HUBUNGAN SILATURAHIM DI SAMPING DAPAT BERTUKAR PANDANGAN

BERKAITAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BAGI MENINGKATKAN PRODUKTIVITI DAN KECEKAPAN PERKHIDMATAN DI UNIVERSITI.

TUAN/PUAN YANG DIHORMATI,

SELAKU UNIVERSITI YANG MUDA KITA MENGAKUI BAHAWA KITA MASIH BARU UNTUK MENGUASAI KEJOHANAN INI. UNIVERSITI-UNIVERSITI YANG LEBIH LAMA SEPERTI UNIVERSITI MALAYA, UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA DAN UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA MEMPUNYAI STAF YANG JAUH LEBIH RAMAI DARI KITA. MEREKA JUGA TELAH MEMBENTUK DAN MEMPUNYAI PASUKAN YANG KUAT DAN MANTAP BAGI MENGHARUNGI KEJOHANAN YANG DIADAKAN PADA SETIAP TAHUN INI.

DARI SEGI KEMUDAHAN SUKAN, MEREKA TELAH MEMPUNYAI KEMUDAHAN SUKAN YANG SERBA LENGKAP DENGAN KOMPLEKS SUKAN YANG DILENGKAPI DENGAN PADANG BOLASEPAK, GELANGGANG TENIS, KOLAM RENANG DAN SEBAGAINYA. MALAH ADA ANTARA UNIVERSITI INI MEMPUNYAI PADANG GOLF SENDIRI UNTUK MENGASAH BAKAT BAGI MENYERTAI MANA-MANA KEJOHANAN YANG DIANJURKAN DI PERINGKAT UNIVERSITI.

NAMUN INI BUKAN BERMAKNA KITA AKAN MENGALAH UNTUK BERTANDING DENGAN UNIVERSITI-UNIVERSITI INI. WALAUPUN KITA KEKURANGAN DARI SEGI KEMUDAHAN SUKAN TETAPI KITA HARUS MENGANGGAP IA SEBAGAI SATU CABARAN UNTUK LEBIH BERDAYA SAING BAGI MENGUJI KEKUATAN MENTAL DAN FIZIKAL.

INI TERBUKTI APABILA PADA SETIAP KALI KEJOHANAN ANTARA STAF UNIVERSITI INI BERLANGSUNG, KITA TELAH MEMENANGI BEBERAPA ACARA WALAUPUN HANYA BEBERAPA PINGAT. MENANG ATAU KALAH BUKAN SOALNYA, TETAPI KEAZAMAN KITA UNTUK BERSAING DENGAN BERSUNGGUH-SUNGGUH DAN MENUNJUKKAN SEMANGAT BERPASUKAN YANG TEGUH ITU YANG LEBIH PENTING DAN LEBIH BERMAKNA.

TUAN/PUAN YANG DIHORMATI

KITA PERLU BERBANGGA DENGAN PENCAPAIAN YANG TELAH KITA LAKARKAN DALAM KEJOHANAN SUKAN ANTARA STAF UNIVERSITI INI. KITA TELAH BERJAYA MENINGKATKAN PENGUSAHAN DARI MASA KE SEMASA APABILA MEMENANGI BEBERAPA ACARA PADA SETIAP KALI KEJOHANAN BERLANGSUNG. CONTOHNYA PADA TAHUN 2003



KITA TELAH MEMENANGI PINGAT EMAS BAGI ACARA BOLA JARING. MANAKALA BAGI TAHUN 2004 KITA TIDAK SAHAJA MENGEKALKAN EMAS BAGI ACARA BOLA JARING TETAPI TELAH MENAMBAH PUNGUTAN PINGAT APABILA MEMENANGI PINGAT GANGSA BAGI ACARA LEMPAR CAKERA.

BEGITU JUGA BAGI TAHUN 2005, STAF KUTKM SEKALI LAGI MEMBUKTIKAN KEWIBAWAANNYA APABILA BERJAYA MEMPERTAHANKAN PINGAT EMAS BAGI ACARA BOLA JARING DAN MENDAPATKAN PINGAT PERAK BAGI ACARA LEMPAR CAKERA DAN MENAMBAH PINGAT GANGSA BAGI ACARA 4 x 400M.

TUAN/PUAN YANG DIHORMATI

DARI SEGI BILANGAN PENYERTAAN, PADA TAHUN 2005 KITA TELAH MENGHANTAR 128 ORANG STAF

YANG TERDIRI DARIPADA PARA ATLIT DAN PENGURUS PASUKAN BAGI MENYERTAI KEJOHANAN INI YANG TELAH DIADAKAN DI UNIVERSITI MALAYA. PADA KETIKA ITU KITA TELAH MENYERTAI 8 ACARA SUKAN ANTARANYA BOLA SEPAK, BOLA JARING, SEPAKTAKRAW, OLAHRAGA DAN BOWLING.

PADA KALI INI KITA AKAN MENGHANTAR SEBANYAK 171 ORANG STAF YANG TERDIRI DARIPADA PARA ATLIT DAN PENGURUS PASUKAN BAGI MEMBERI CABARAN YANG LEBIH HEBAT DENGAN MENYERTAI 10 ACARA DARIPADA 15 YANG DIPERTANDINGKAN. KITA SENTIASA MENUNJUKKAN PENINGKATAN DALAM PENYERTAAN UNTUK MEMBERI ISYARAT BAHAWA KITA BERSEDIA UNTUK MENJADI PESAING PADA SETIAP KALI KEJOHANAN DILANGSUNGKAN.

TUAN/PUAN YANG DIHORMATI

SETIAP KALI KITA MENGHANTAR ATLET KE KEJOHANAN INI, MEREKA MERUPAKAN YANG TERBAIK DAN SETIAP DARI MEREKA KITA SANDARKAN HARAPAN UNTUK MENDAPATKAN EMAS. WALAUPUN NAMPAK TERLALU IDEAL TETAPI ITULAH SEMANGAT YANG PERLU ADA PADA SETIAP ATLET KITA SUPAYA IA MENJADI PERANSANG KEPADA KITA UNTUK MENJADI JUARA. KITA PERLU MEMPUNYAI SEMANGAT KUTKM BOLEH!!!. IA ADALAH KATA AZIMAT YANG AKAN MENJADIKAN KITA PESAING TERHEBAT KEPADA MANA-MANA UNIVERSITI YANG DITANDINGI.

KALAU KITA MENANAMKAN SEMANGAT UNTUK MENJADI JUARA PADA SETIAP KALI KEJOHANAN BERLANGSUNG, SAYA YAKIN DAN PERCAYA KALAU TIDAK PADA TAHUN INI KITA MENJADI JUARA, KUTKM AKAN MENJADI JUARA PADA TAHUN-TAHUN BERIKUTNYA DAN AKAN TERUS MEMPERTAHANKAN KEJUARAANNYA UNTUK

SELAMANYA. KITA PERLU TERUS BERJUANG DENGAN SEMANGAT KESUKANAN. KETEPIKANLAH SEBARANG PERBEZAAN PANDANGAN DAN PENDAPAT SEMASA KITA BERTANDING DAN HILANGKANLAH SEMANGAT RENDAH DIRI YANG ADA PADA KITA, TETAPI SEBALIKNYA KITA PERLU SENTIASA OPTIMIS DENGAN PERKARA YANG KITA LAKUKAN.

ATLET-ATLET YANG AKAN MEWAKILI KUTKM PADA KEJOHANAN INI TELAH MEMBUAT PERSIAPAN YANG RAPI DENGAN LATIHAN – LATIHAN SERTA PERLAWANAN PERSAHATAN YANG DIADAKAN. MISALNYA PASUKAN BOLA SEPAK KITA TELAH MENANG DALAM BANYAK PERLAWANAN PERSAHABATAN. BEGITU JUGA DENGAN PASUKAN TAKRAW DAN BADMINTON YANG SENTIASA MENGADAKAN PERLAWANAN PERSAHABATAN BAGI MENGUJI KEKUATAN DAN MEMPERBAIKI KELEMAHAN.

TUAN/PUAN YANG DIHORMATI

PASUKAN KUTKM TELAH MEMBERI TENTANGAN YANG HEBAT SEMASA BERTANDING DI DALAM PERLAWANAN PERSAHABATAN DENGAN CUBIC ELECTRONICS YANG LALU. KITA MEMENANGI BEBERAPA ACARA IAITU BOLA SEPAK, TAKRAW, BOLA JARING, KAROM DAN FUTSAL. IA MAMPU MENJADI KAYU PENGUKUR UNTUK KITA MENGENALPASTI KEKUATAN PASUKAN DAN MENGATUR STRATEGI PERLAWANAN DALAM KEJOHANAN SUKAN STAF UNIVERSITI YANG AKAN KITA TANDINGI NANTI.

BEGITU JUGA KEJOHANAN SUKAN ANTARA JABATAN YANG TELAH DIADAKAN TELAH DAPAT MENCUNGKIL BAKAT-BAKAT SUKAN YANG PERLU MEWAKILI KUTKM. SUKAN ANTARA JABATAN YANG DIANJURKAN PADA SETIAP TAHUN DI KUTKM INI TIDAK SAHAJA MEMBERI RUANG KEPADA STAF

UNTUK MENUNJUKKAN BAKAT TETAPI JUGA MEMBERI KESEMPATAN KEPADA STAF UNTUK BERIADAH DAN MEMBUDAYAKAN AMALAN PENJAGAAN KESIHATAN MELALUI SUKAN. IA BOLEH MENYIHATKAN TUBUH DAN MENCERGASKAN FIKIRAN.

SAYA MENGUCAPKAN SYABAS KEPADA FAKULTI DAN JABATAN – JABATAN YANG MEMENANGI ACARA – ACARA YANG DIPERTANDINGKAN. KEPADA YANG KALAH PASTIKAN TAHUN HADAPAN CUBA LAGI DAN JANGAN BERPUTUS ASA. MULAKAN LATIHAN DARI SEKARANG, INSYAALLAH ANDA AKAN BERJAYA. KALAU MASIH TIDAK BERJAYA, CUBA DAN CUBA LAGI TANPA BERPUTUS ASA.

KEPADA YANG BERJAYA, INGATLAH BAHAWA MEMPERTAHANKAN SESUATU KEJUARAAN ADALAH LEBIH SUKAR DARI MEMPEROLEHI KEMENANGAN. JANGAN LEKA DAN MUDAH BERPUAS HATI DENGAN



PENCAPAIAN YANG DIKECAPI. SENTIASALAH  
MENGGANDAKAN USAHA UNTUK TERUS BERJAYA.

AKHIR KATA SAYA MENGAMBIL KESEMPATAN INI  
UNTUK MENGUCAPKAN SELAMAT MAJU JAYA  
KEPADA KONTINJEN KUTKM YANG AKAN MEWAKILI  
UNIVERSITI DALAM KEJOHANAN SUKAN ANTARA  
STAF UNIVERSITI MALAYSIA KE 31 *AND DO THE  
BEST FOR KUTKM*. PASTIKAN SETIAP PADA ANDA  
MEMBAWA KEJUARAAN KEPADA KUTKM.

KUTKM BOLEH !!!

KUTKM BOLEH !!!

KUTKM BOLEH !!!

SEKIAN, TERIMA KASIH.